

20 AUG 1996

PM RASMI PESTA KESENIAN ANTARABANGSA LANGKAWI

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan pelancaran Pesta Kesenian Antarabangsa Langkawi (LIFA) pada 14 Disember depan di Dataran Lang, Langkawi.

Dr Mahathir adalah penaung pesta yang julung kali diadakan anjuran Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bersama EM Consultants Sdn. Bhd. Ia akan berlangsung dari 15 hingga 22 Disember ini.

Menurut Pengarah Festival LIFA, Syed Isa Syed Alwi, peserta tempatan dan luar negara akan mempersembahkan pelbagai acara kesenian antaranya muzik, teater, tarian serta pameran lukisan dan fotografi.

Pesta yang akan diadakan setiap dua tahun itu dapat memperkenalkan budaya tempatan dan luar negara kepada rakyat Malaysia, kata beliau dalam persidangan berita di sini, hari ini.

Ini sejajar dengan tema hari kebangsaan tahun ini iaitu "Budaya Penentu Kecapaian", katanya.

Penghibur tanahair, Zainal Abidin adalah di antara artis solo tempatan yang terpilih untuk menyertai pesta itu. Beliau akan mengadakan konsert percuma untuk para pengunjung pesta itu. -- BERNAMA

RMI PR